

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 1996/97**

**APRIL 1997**

**RPK 321/3 - PERANCANGAN LANDSKAP**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan sahaja.

1. Pembangunan landskap memerlukan teknik pengurusan sumber-sumber landskap yang sempurna. Antara komponen penting dalam pengurusan sumber landskap ialah pengurusan tanah.
  - (a) Bincangkan sifat fizikal dan kimia tanah bagi membolehkan seorang perancang dan perekabentuk landskap mengambil keputusan tepat dalam tugas melaksana dan mengurus landskap.
  - (b) Apakah yang dimaksudkan sebagai tanah bermasalah. Nyatakan jenis tanah bermasalah yang terdapat di Malaysia dan bincangkan kaedah yang boleh digunakan untuk memperbaiki keadaan tersebut?

(20 markah)
2. Terdapat pelbagai persepsi masyarakat terhadap pengertian landskap. Meinig dalam buku beliau "The Interpretation of Ordinary Landscapes" menggariskan beberapa falsafah dan kaedah untuk memahami dan membaca sesebuah landskap. Bincangkan.

(20 markah)
3. Pembangunan senitaman di dunia mencerminkan ketamadunan senitaman-senitaman silam. Antara senitaman silam yang masyur ialah senitaman Islam. Bincangkan konsep, pengertian serta jaluran perkembangan senitaman Islam dalam kontek perkembangan senitaman masyur yang lain.

(20 markah)

4. Dalam perancangan landskap, faktor alam sekitar yang melibatkan pengurusan kawasan-kawasan tadahan dan ekosistem yang lain adalah penting diberi perhatian dalam sebarang kajian. Ian Mac Harg menggunakan konsep "Ecological Determinism" dalam kajian perancangan landskap yang dijalankan oleh beliau. Bincangkan pendekatan konsep ini dan bagaimana ianya dapat digunakan dalam kontek persekitaran di Malaysia.

(20 markah)

5. Sebagai seorang perekabentuk landskap, anda diberi peluang untuk merekabentuk sebuah taman residensi (residential garden). Bincangkan apakah langkah-langkah yang perlu diambil dalam merekabentuk sebuah taman residensi. Hadkan perbincangan anda kepada perkara-perkara berikut:-

- (a) prinsip, teori dan pendekatan
- (b) kajian tapak
- (c) elemen landskap kejur dan lembut
- (d) penggunaan tumbuhan hiasan
- (e) amalan profesional
- (f) kos pelaksanaan

(20 markah)

-ooo00ooo-